

11 MAY 2000

Mahathir-Reaksi

MAHATHIR KATA KEMENANGAN NAJIB, MUHAMMAD DAN MUHYIDDIN TELAH DIJANGKA RAMAI

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Kemenangan Datuk Seri Najib Razak, Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam merebut jawatan naib presiden Umno memang telah dijangka oleh ramai pihak, kata Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ramai berpendapat bahawa mereka ini yang akan menang," katanya ketika diminta mengulas keputusan pemilihan bagi jawatan naib presiden yang diumumkan malam ini.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas menghadiri majlis makan malam bersama presiden sempena perhimpunan agung Umno, Dr Mahathir berkata keputusan itu adalah pilihan perwakilan dan beliau menerimanya.

Ditanya apakah yang beliau harapkan daripada mereka, Dr Mahathir berkata mereka mesti bekerja kuat untuk parti dan negara.

Mengenai sama ada beliau ada menerima laporan tentang politik wang yang melibatkan tiga pemenang ini, Dr Mahathir menjawab, "setakat ini kita tiada laporan tentang mereka, kita terimalah (keputusan)."

Perdana Menteri juga berkata beliau tidak dapat mengulas kedudukan pemegang jawatan kerajaan yang kalah dalam pemilihan hari ini kerana belum mendapat keputusan penuh bagi jawatan naib presiden dan Majlis Tertinggi.

Sementara itu, Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau yakin akan dapat bekerjasama dengan baik dengan ketiga-tiga Naib Presiden yang baru dipilih kerana ketiga-tiga mereka adalah sahabat baiknya.

"Saya pernah bekerjasama dengan ketiga-tiga mereka sebelum ini dan saya rasa tidak ada masalah untuk terus bekerjasama dengan mereka," katanya.

Menurutnya ini kerana ketiga-tiga mereka sudah pasti akan berada dalam Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno yang dipengerusikan oleh Timbalan Presiden.

"Saya berharap dapat bekerjasama dengan mereka dalam sebarang tugas yang berkaitan, tahniah kepada mereka," katanya.

Sementara itu, merujuk kepada pemilihan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhamad Taib sebagai Naib Presiden, Abdullah berkata ia adalah pilihan perwakilan dan isu berhubung beliau yang tidak mempunyai jawatan dalam kerajaan, tidak timbul.

"Saya juga dulu tidak ada jawatan dalam kerajaan, tapi dipilih juga," katanya.

Sementara itu, Abdullah yang merujuk kepada MT berkata pemilihan agak seimbang apabila kira-kira 10 muka baru dipilih untuk menganggotainya.

Katanya beliau yakin semua anggota baru itu mampu menyumbang idea-idea baru yang bernas untuk kebaikan MT.

Abdullah berkata perwakilan mungkin memilih untuk mengekalkan muka-muka lama disebabkan mereka berpendapat bahawa muka-muka lama itu perlu kerana berpengalaman luas.

-- BERNAMA

AZH LAT